

Calon tidak wakili komponen BN diuji

KUALA LUMPUR 23 Mac — Barisan Nasional (BN) mungkin mengetengahkan calon yang tidak mewakili mana-mana parti komponen dalam pilihanraya umum pada masa akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, berkata langka itu sebagai ujian sama ada calon BN yang tidak terikat kepada mana-mana parti komponen boleh diterima atau sebaliknya.

Perubahan itu selaras dengan penekanan BN bahawa calonnya dalam pilihanraya adalah calon BN dan bukannya calon dari parti-parti komponen, kata beliau dalam temubual khas yang disiarkan dalam buku cenderamata Konvensyen Barisan Nasional yang akan berlangsung di sini Sabtu ini.

[Temuramah penuh dengan Perdana Menteri di muka 8]

Konvensyen itu, yang pertama sejak penubuhan BN lebih 20 tahun lepas, akan diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan

Dunia Putra (PWTC). Kira-kira 3,000 anggota perwakilan dijangka hadir.

“Mungkin kita cuba satu atau dua kerusi dahulu. Tengoklah macam mana,” kata Dr. Mahathir.

“Kalau seseorang calon itu tidak diikat atau tidak terikat kepada mana-mana parti komponen, bolehkah calon itu diterima oleh pengundi sebagai calon BN? Jadi kita kena ujilah dulu sama ada boleh atau tidak,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata pada pilihanraya umum kali ini, penekanan akan lebih ditumpukan kepada calon BN, bukannya calon dari mana-mana 14 parti komponennya.

“Kali ini kita hendak tekankan bahawa mereka adalah calon BN. Mungkin juga, kalau boleh, kita ketengahkan calon BN yang tidak mewakili mana-mana parti komponen,” katanya.

Memang dari dulu lagi BN memberi penekanan kepada perkara itu tetapi masih wujud perasaan bahawa calon berkenaan

■ Lihat muka 2

Calon tidak wakili komponen BN diuji

dari sesuatu parti komponen, katanya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata, buat masa ini BN belum menentukan sama ada akan memperkenalkan perubahan itu pada pilihanraya kali ini atau kemudian kelak.

BN akan bergerak selangkah demi selangkah ke arah memperkenalkan konsep itu. Dengan ujian atau percubaan itu nanti, akan diketahui sama ada seseorang calon itu boleh diterima sebagai calon BN, katanya.

Beliau mengakui bahawa sampai bila-bila pun akan ada perasaan tentang keturunan dan latar belakang seseorang tetapi dalam masa yang sama perasaan bangga terhadap

negara juga semakin meningkat.

"Sekiranya Malaysia terus berjaya, rakyat akan merasai ia lebih "Malaysian" sama ada ia Cina, India, Iban, Kadazan atau Melayu. Pada masa itu saya yakin BN lebih kukuh atau konsolidated," kata beliau.

Semasa ditanya penekanan lain BN pada pilihanraya umum kali ini, Dr. Mahathir berkata kerajaan BN sudah melancarkan program yang akan melibatkan tempoh masa yang panjang dan kemampuan melaksanakannya sudah terbukti sehingga Bank Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara contoh.

"Jadi tekanan kita ialah kesinambungan," katanya.

Dr. Mahathir juga berkata BN sudah terbukti sebagai satu formula yang praktikal kerana semua parti komponen walau sekecil mana pun tetap mempunyai suara.

Bahkan dalam Dewan Tertinggi BN setiap parti komponen sama ada kecil atau besar, mempunyai tiga orang wakil, katanya. Jadi masing-masing parti berkaitan merasa lebih terselamat menerusi BN, sekurang-kurangnya sampai kepada masa yang tertentu.

"Sudah tentu kalau ada satu parti, perwakilannya terdiri daripada puak yang menjadi majoriti dalam parti. Kumpulan-kumpulan minoriti, suku-suku kaum akan hilang

suara dan tidak dapat mempertahankan diri," katanya.

Dr. Mahathir juga menjelaskan bahawa pengagihan kuasa dalam BN bermaksud kuasa turut diberikan kepada kumpulan-kumpulan minoriti untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam segala rundingan dan keputusan.

"Sudah tentulah kita tidak dapat mencapai persekutuan seratus peratus tetapi sekurang-kurangnya memberi suara kepada kumpulan minoriti dan mungkin kerana suara itu maka kita dapat buat penyesuaian sedikit, sekurang-kurangnya terhadap pandangan kumpulan minoriti," katanya. — Bernama.